

WILAYAH **KU**

BIL 23 14 - 20 JUN 2019

PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

mediawargakota



97 sekolah 'menyamar' jadi pusat tahfiz >4

Warna-warni di Sisiran Tasik Putrajaya >8



Tumpu program **kebajikan**

Khalid Samad tidak tunduk desakan mahu Yayasan Wilayah Persekutuan ditutup

MENTERI Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad menegaskan, beliau dan pihak pengurusan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam yayasan berkenaan. Justeru beliau enggan tunduk dengan desakan segelintir pihak yang mahu YWP ditutup kerana badan tersebut mempunyai peranan yang sama dengan yayasan di negeri lain iaitu menumpukan program kebajikan untuk rakyat.

Beliau yang juga Pengerusi yayasan berkenaan berkata, YWP harus mencari sumber

dana daripada pelbagai cara termasuk perniagaan dan pelaburan tetapi bukanlah untuk kepentingan peribadi.

"Tugas kami adalah untuk membantu warga kota yang memerlukan dan bertindak sebagai badan kebajikan untuk warga Wilayah Persekutuan termasuk Putrajaya dan Labuan," katanya pada sidang akhbar di Wisma YWP, Kampung Baru, Kuala Lumpur baru-baru ini.

BERITA LANJUT DI MUKA 4



BANGUNAN Wisma YWP di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

SEBAHAGIAN pelajar yang menerima Anugerah Pelajar Cemerlang 2019 di Kuala Lumpur pada Mei lalu.

Khalid Samad mahu yayasan berkenaan terus jadi platform kebajikan

Tidak tunduk desakan tutup YWP

KUALA LUMPUR – Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad menegaskan pihaknya tidak akan bertindak menutup Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) memandangkan badan tersebut menjadi platform untuk melaksanakan aktiviti kebajikan sejak ia ditubuhkan pada tahun 1986.

Sebaliknya beliau mempersoalkan mengapa YWP menjadi sasaran pihak yang mendesak agar ia ditutup sedangkan kedudukannya sama seperti yayasan di negeri lain.

Malah Khalid yang juga Pengerusi YWP berkata, kedudukannya sebagai Pengerusi YWP tidak membabitkan sebarang kepentingan sebaliknya ia termaktub dalam Memorandum dan Perkara Persatuan YWP yang menyebut "Lembaga Pengarah mesti memiliki seorang pengerusi iaitu Menteri Wilayah Persekutuan."

"Kalau tutup YWP, apa lagi penduduk di sini akan dapat kerana ia satu-satunya platform untuk membuat program kebajikan di Wilayah Persekutuan."

"Bagi saya tutup dahulu yayasan milik negeri lain sebelum desak tutup YWP," katanya pada sidang akhbar di Wisma YWP di Kampung Baru di sini baru-baru ini.

Hadir sama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan; Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Zaizalnim Zainun dan Ahli-



**YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN**



KHALID

ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) yayasan tersebut.

YWP telah ditubuhkan pada 9 April 1986 di bawah Akta Syarikat 1957 sebagai sebuah syarikat berhad dengan dan memulakan operasi pada tahun 1996.

Khalid mengakui kemungkinan sebelum ada wujud salah guna, tetapi pihaknya telah mengambil tindakan membetulkan keadaan selepas menerajui

kementerian berkenaan dan kini bersikap terbuka untuk mendedahkan perbelanjaan serta kedudukan kewangan YWP.

Beliau menyatakan, YWP harus mencari sumber dana daripada pelbagai cara termasuk perniagaan dan pelaburan tetapi bukanlah untuk kepentingan peribadi ALPA.

"Segala keuntungan yang diperoleh melalui urusan perniagaannya tidak memberikan sebarang pulangan kepada ALPA YWP."

"Tugas kami adalah untuk membantu warga kota yang memerlukan dan bertindak sebagai badan kebajikan untuk warga Wilayah Persekutuan termasuk Putrajaya dan Labuan," katanya.



KHALID (kiri) pada sidang akhbar di Wisma YWP, Kampung Baru, Kuala Lumpur, Selasa lalu. Hadir sama Zaizalnim (tiga dari kiri).

Info Program-program Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP)

1. PENDIDIKAN :

- I- Skim Bantuan Awal
- II- Skim Biasiswa Pengajian Tinggi
- III- Program Bantuan Pemakanan
- IV- Skim Biasiswa Kecil
- V- Skim Anak Angkat Pelajar Cemerlang
- VI- Anugerah Pelajar Cemerlang
- VII - Back To School

Bajet Tahun 2019 - RM 7.6 Juta

2. EKONOMI

- I- Kursus Keusahawanan Pembuatan Sabun

Bajet Tahun 2019 - RM 250,000

3. SOSIAL

- I. MINTS (Mini Terminal Sejahtera)
- II. Skim Prihatin
- III. Bantuan Kebajikan Individu, NGO, Sekolah

- IV. Bantuan Bencana (Kebakaran, Bencana Alam)
- V. Bantuan Cermin Mata - Mataku Harapanku

Bajet Tahun 2019 - RM 2.9 juta

4. AGAMA

- I. Sumbangan Ramadan
- II. Sumbangan Perayaan
- III. Kit Pengurusan Jenazah
- IV. Tadarus Al- Quran
- V. Karnival Masjid

Bajet Tahun 2019 - RM 1.1 juta

5. TEKNOLOGI

- Pembangunan Sistem Berpusat P.E.S.A.T untuk penerima bantuan

Bajet Tahun 2019 - RM 150,000

10,000 pemandu teksi diberi insentif caruman Perkeso



KIRA-KIRA 10,000 pemandu teksi di ibu negara bakal terima insentif Perkeso daripada YWP. - Gambar hiasan

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR – Yayasan wilayah Persekutuan (YWP) bersetuju untuk memberi intensif khas kepada kira-kira 10,000 pemandu teksi di ibu negara dalam bentuk pembiayaan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) pada tahun ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata, yayasan berkenaan tampil menyalurkan bantuan tersebut ekoran persaingan dengan perkhidmatan e-hailing yang telah menjejaskan pendapatan sebahagian besar pemandu teksi.

"Jumlah insentif berkenaan melibatkan peruntukan kira-kira RM17 sebulan bagi setiap pemandu dan kami menganggarkan kos keseluruhan ialah kira-kira RM1.2 juta atau RM1.3 juta."

"Saya sudah meminta Ketua Pegawai

Eksekutif YWP, Zaizalnim Zainun untuk menghubungi Gabungan Teksi SeMalaysia (GTSM) untuk mendapatkan jumlah sebenar pemandu teksi yang memerlukan bantuan dan masalah yang dihadapi mereka," katanya kepada pemberita di Wisma YWP, Kampung Baru di sini baru-baru ini.

Menurut Khalid yang Pengerusi YWP berkata, pemandu teksi boleh menghubungi GTSM untuk memohon insentif berkenaan demi kepentingan mereka.

"Setakat ini, kita hanya melaksanakan insentif berkenaan hanya untuk tahun ini," katanya.

Kata Khalid lagi, keputusan tersebut dibuat setelah mendapat permintaan daripada pihak GTSM dan mengambil kira pengumuman yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri Melaka yang telah bersetuju membantu pemandu teksi di negeri tersebut baru-baru ini.

Tekad Syed Azmi bantu masyarakat

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com

MEMBANTU insan yang tidak bernasib baik menjadi matlamat lelaki ini. Bagi Syed Azmi Alhabshi, 44, pengalamannya melihat karenah birokrasi daripada pihak berkuasa menyalurkan bantuan menyebabkan dia mengambil keputusan untuk terjun dalam dunia kesukarelawan bagi membantu golongan yang tidak bernasib baik.

"Apa yang berlaku kita sebenarnya mempunyai sumber untuk membantu orang lain. Selain daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan, sumber tersebut adalah tenaga kerja dan idea," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Jelas Azmi, pihak kerajaan dan NGO serta orang perseorangan yang menggerakkan aktiviti kebajikan perlu berganding bahu dalam urusan penyampaian bantuan agar semua perkara yang berkaitan dengan golongan sasaran dapat diselesaikan secara bersepadu tanpa ada yang tertinggal.

Syed Azmi yang menggerakkan sebuah NGO berkata, kekangan antara kerajaan dan rakyat banyak menjadikan bantuan terputus di pertengahan jalan.

"Saya sering mengamalkan konsep untuk sedia berbincang dengan mana-mana pihak termasuk kerajaan kerana apa juga mekanisme penyampaian bantuan

harus dilakukan dengan lancar agar nasib golongan yang memerlukan terbela," katanya.

Menurut Syed Azmi, dia mula terdetik untuk melakukan kerja-kerja kesukarelawan ketika bekerja di Muar, Johor kira-kira empat tahun lalu.

"Ketika bertugas agak jauh dari keluarga, bapa saya yang tinggal di Kuala Lumpur, jadi saya selalu risau tentang soal keselamatan dan kesihatannya.

"Sekiranya apa-apa terjadi, sudah pasti pihak yang perlu dihubungi adalah polis, bomba dan hospital," katanya.

Jelas Syed Azmi lagi, ketika itu dia mula terfikir sekiranya ada apa-apa berlaku kepada keluarga, jiran adalah orang pertama yang perlu diminta pertolongan.

"Bertitik tolak dari itu, saya terpenggil untuk melakukan kerja kebajikan kepada jiran sendiri sebelum diperluas kepada orang ramai serta terlibat aktif di dalam aktiviti kemasyarakatan," katanya.

Menurut Syed Azmi lagi, sepanjang hampir lapan tahun bergiat aktif dengan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan, dia telah membantu lebih 500



buah keluarga membabitkan pelbagai masalah.

"Ada kalangan mereka mempunyai masalah penagihan dadah, masalah keganasan rumah tangga, anak-anak terbiar, masalah kehamilan luar nikah dan kemiskinan," katanya.

Jelas Syed Azmi lagi, pihaknya mempunyai pelbagai aktiviti untuk menyantuni golongan tersebut seperti ziarah asnaf di sekitar ibu kota, menyantuni gelandangan, free market dan pelbagai lagi aktiviti bagi membantu golongan berkenaan.

Syed Azmi yang turut terlibat dalam advokasi kanak-kanak berkata, tumpuannya kini adalah membantu seramai mungkin golongan kanak-kanak agar mendapat pembelaan sewajarnya.

"Kanak-kanak merupakan golongan yang perlu diberikan perhatian khusus dari segi penjagaan kesihatan, pendidikan dan pembangunan emosi."

Selain itu, Syed Azmi berkata, dia meneruskan aktivitinya sebagai penasihat di Rumah Bonda iaitu NGO yang menyediakan perkhidmatan transit menjaga remaja hamil luar nikah.

"Rumah Bonda baru sahaja beroperasi di Kepong melibatkan lebih 10 orang remaja," katanya.

Lulusan Ijazah Sarjana Muda Farmasi dari Universiti Kebangsaan Malaysia ini berkata, pihaknya terbuka untuk menerima sesiapa sahaja menjadi sukarelawan di bawahnya.

"Untuk menyertai saya, mereka harus melakukan tugas kecil iaitu perlu mengenali jiran tetangga. Sekiranya mereka telah mengenali sekurang-kurangnya 40 buah rumah, maka mereka boleh mengikuti program-program di lapangan," katanya.



SYED AZMI

Keluarga OKU pendengaran terima bantuan daripada Yayasan Wilayah Persekutuan Ceria Aidilfitri buat Rozila sekeluarga

KUALA LUMPUR – Kesusahan hidup yang dilalui keluarga wanita orang kelainan upaya (OKU) pendengaran, Rozila Mohd. Ali, 49, mendapat perhatian Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang tampil menghulurkan bantuan sempena sambutan Aidilfitri baru-baru ini.

Bantuan tersebut sekurang-kurangnya menceriaikan sambutan hari raya tahun ini buat Rozila bersama suami dan enam anak dengan tiga orang daripada mereka iaitu Siti Nor Ajuza, 21; Muhammad Hafiz, 17 dan Muhammad Adam Danial, 9, juga OKU pendengaran.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Zaizalnizam Zainun, keluarga tersebut tidak mempunyai pendapatan tetap memandangkan suami Rozila, Izani Che Sulaiman, 47, baru berhenti kerja kerana ada masalah pembayaran gaji oleh pihak majikannya.

"Sekarang pendapatan keluarga bergantung kepada seorang lagi anaknya iaitu Siti Nor Ajuza yang bekerja di

restoran Ayamias dengan gaji RM1,200 sebulan. Rozila juga bekerja sebagai tukang urut dengan pendapatan purata bulanan RM500 tetapi ia tidak tetap.

"Keluarga ini boleh dikategorikan sebagai daif dan kurang berkemampuan di mana keadaan rumah tiada perkakasan yang lengkap dan kekurangan bekalan makanan," katanya ketika mengunjungi keluarga tersebut di kediaman mereka di Blok H-17-11 Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak di sini baru-baru ini.

Zaizalnizam berkata, YWP mengamalkan inisiatif memberikan bantuan sara hidup secara 'one off' sebanyak RM1,000 untuk bantuan pengindahan dan mengecat serta dekorasi kediaman keluarga tersebut sempena Aidilfitri.

"Semoga bantuan ini memberi harapan baharu dan kegembiraan kepada keluarga ini sempena Aidilfitri," kata beliau.

Orang ramai yang ingin memberikan sumbangan kepada keluarga Rozila boleh menghubungi anaknya, Siti Nur Izatti di talian 017-681 5596.



ZAIZALNIZAM (kiri) menyampaikan bantuan kepada Rozila ketika mengunjungi keluarga tersebut di Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak baru-baru ini.